

14 OCT 2002

Mahathir-PAS (Bergambar)

PAS GUNA PELUANG TINGKAT SOKONGAN SEMASA SERTAI BN - DR M

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata penyertaan PAS dalam Barisan Nasional (BN) pada satu masa dahulu adalah semata-mata untuk kepentingan politik parti itu sendiri dan bukan untuk menolong parti komponen lain dalam mendapatkan sokongan rakyat.

"Parti lain yang masuk BN mereka pegang kepada semangat BN iaitu semangat tolong-menolong, malangnya PAS semasa berada dalam BN menggunakan peluang itu untuk parti PAS sahaja," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen BN Wilayah Persekutuan, di sini.

Beliau berkata apabila pemimpin PAS dilantik menjadi Menteri Tanah dan Galian, orang berkenaan telah menggunakan peluang itu untuk menghasut peneroka tanah rancangan Felda dengan menyatakan BN bukan parti Islam dan sebaliknya mereka patut menyokong PAS kerana ia parti Islam.

"... tiba-tiba kita dapati Felda yang dahulunya 100 peratus menyokong kerajaan tiba-tiba mereka menentang kerajaan," katanya.

Beliau menyifatkan perkara itu sebagai suatu yang pelik dan aneh kerana mereka (peneroka) yang banyak mendapat nikmat daripada pentadbiran kerajaan BN menjadi golongan yang paling banyak menentang kerajaan.

"... sebaliknya mereka yang tidak dapat peluang untuk jadi peneroka, mereka terus menyokong kerajaan, cukup aneh," kata Dr Mahathir.

Oleh kerana itu jugalah katanya, BN terpaksa menyingkirkan parti itu daripada pakatan.

Perdana Menteri dalam ucapannya sebelum itu berkata BN menerima penyertaan PAS dan parti lain termasuk Gerakan pada masa dahulu adalah bagi tujuan mengurangkan polemik politik dan seterusnya menumpukan perhatian kepada soal membangunkan ekonomi dan sosial rakyat.

Beliau berkata di peringkat awal pembentukan Perikatan dan seterusnya BN, semua parti komponen mempunyai fahaman yang berbeza tetapi berkongsi satu asas iaitu tolong menolong: "Lu tolong gua, gua tolong lu."

Bagaimanapun katanya, dengan peredaran masa, kerjasama dipertingkatkan dan perhubungan antara anggota dalam parti-parti komponen semakin rapat.

Perkara itu boleh dilihat menerusi mesyuarat dan juga konvensyen BN yang sering diadakan sekarang berbanding pada masa dahulu mereka hanya bertemu menjelang pilihan raya bagi menentukan jumlah kerusi untuk setiap parti komponen.

-- BERNAMA

NM WNZ AHH RON